

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### PENDIRIAN MyCC MENGENAI ISU-ISU BERKAITAN PADI DAN BERAS

Baru-baru ini satu kenyataan yang dikeluarkan oleh salah satu media utama menguar-uarkan bahawa Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan menyiasat beberapa siri dakwaan mengenai industri padi dan beras.

Pertama sekali, MyCC ingin menekankan bahawa kami belum memulakan sebarang penyiasatan terhadap mana-mana pihak dalam industri ini dan kami masih belum menerima sebarang maklumat daripada mana-mana pihak khususnya dari Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Bagaimanapun, kami ingin mengesahkan bahawa KPB akan bertemu dengan MyCC pada 19 Januari 2024.

MyCC ingin menjelaskan bahawa kami telah menulis surat kepada KPB dalam bulan Oktober 2023 menyatakan kesediaan kami untuk memahami dan membincangkan isu-isu mengenai industri padi dan beras agar kami dapat memberikan pendapat kami sekiranya wujud sebarang isu persaingan.

Akhir sekali, MyCC ingin menggesa agar semua pihak terutamanya media supaya lebih berhati-hati dan berhenti membuat spekulasi memandangkan KPB telah mengeluarkan kenyataan rasmi mereka pada 4 Januari 2024 yang menyatakan bahawa berdasarkan penemuan mereka tidak terdapat sebarang isu persaingan membabitkan industri padi dan beras.

**KUALA LUMPUR, 10 JANUARI 2024**

**-tamat-**

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [cad@mycc.gov.my](mailto:cad@mycc.gov.my)

**Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 250 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM500 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).